

KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER DI DALAM PENERBITAN

**MOHD. YUSOF B. MOHD AFFANDI
86846380**

**DIPLOMA IN GRAPHIC DESIGN
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

1990

KANDUNGAN

SINOPSIS

PENGHARGAAN

BAB SATU

KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER
DI DALAM PENERBITAN:
PENGENALAN DAN SEJARAH

1.1	TAFSIRAN UMUM	1
1.2	SEJARAH PENERBITAN DI MALAYSIA 1876 - 1969 SATU TINJAUAN	6
	NOTA KAKI	15

BAB DUA :

KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER
DI DALAM PENERBITAN KOMPUTER

2.1	PENDEKATAN UMUM	17
2.2	KOMPUTER; APA DIA KOMPUTER?	20
2.3	IMPLIKASI KOMPUTER KE ATAS MANUSIA.	23
	i) IMPLIKASI POSITIF ...	23
	ia) FAEDAH DI BIDANG PEKERJAAN	24
	ib) KEBAIKAN KOMPUTER DI BIDANG ORGANISASI	25
2.4	KESIMPULAN	28
	NOTA KAKI	31

BAB TIGA

KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER
DI DALAM PENERBITAN : PENERBITAN

3.1	APA DIA PENERBITAN	33
-----	--------------------------	----

SINOPSIS

KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER DI DALAM PENERBITAN

Berdasarkan kepada tajuk yang diperbincangkan di atas, ia bukan sahaja melengkapi untuk bahan pembacaan tetapi yang lebih utama adalah setiap bab yang diutarakan bertujuan memberi satu penekanan dan menyelesaikan masalah-masalah dan kesilapan fahaman masyarakat. Di samping itu juga, tajuk di setiap bab ini diperinci satu persatu untuk memperjelaskan kepada masyarakat latarbelakang sesuatu kes agar masyarakat menyedari kepentingan dan , keperluan kepada kehidupan seharian.

Di dalam bab satu, penekanan kepada sejarah penerbitan di Tanah Melayu 1876 sehingga 1969 merupakan singkapan sejarah awal permulaannya penerbitan di Tanah Melayu. Pendedahan ini menjelaskan masalah-masalah perkembangan yang dihadapi semasa kelahiran awal penerbitan di Malaysia.

Komputer, kepenggunaan serta kelebihanannya dihuraikan bertujuan memberi peluang kepada masyarakat berkongsi pengalaman dan pengetahuan supaya setiap lapisan golongan masyarakat menerima sebagai satu budaya dalam hidup khasnya penerbitan. Kesan positif komputer terhadap kehidupan seharian

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, penulis dapat menyiapkan tesis ini.

Di kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada :-

1. Encik Mohd Sharif Bin Mustafa
2. Encik Ahmad Rashidi Bin Yon Ibrahim

Tanpa bimbingan mereka ini amat sukar untuk penulis menyiapkan tesis ini. Mereka telah banyak membantu menyediakan bahan-bahan kajian, rujukan dan tempat-tempat temu bual serta memberi buah fikiran yang baik sepanjang penulisan tesis ini.

Semoga dedikasi mereka ini, mendapat ganjaran yang setimpal daripada ALLAH S.W.T

Tidak lupa juga ucapan terima kasih di atas sokongan Perpustakaan Tun Abdul Razak Institut Teknologi MARA dengan memberi pinjaman bahan-bahan rujukan.

Jua terima kasih kepada individu-individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa penulis menyiapkan tesis ini.

Sekian, wassalam.

Mohd Yusof Bin Mohd Affandi
18hb. Jun 1990

1. KE ARAH SATU BUDAYA KOMPUTER DI DALAM PENERBITAN PENGENALAN DAN SEJARAH

1.1 TAFSIRAN UMUM

Ke arah bermakna hala yang ditujui atau menggerakkan sesuatu tujuan ke arah tertentu.¹

Sementara satu budaya bermakna kemajuan jasmani dan akal budi manusia serta juga kemajuan fikiran dan akal budi menerusi latihan dan pengalaman atau peradaban.²

"Membudayakan" mendidikan sesuatu supaya berbudaya (beradab), menjadi seseorang atau sesuatu berbudaya.³ Peradapan iaitu sistem dan tahap perkembangan sosial sesuatu bangsa, kemajuan sosial dan kebudayaan sesuatu bangsa.⁴

Komputer iaitu alat elektronik yang menyimpan, menganalisis dan mengeluarkan maklumat sebagaimana yang dikehendaki daripada data dan pita.⁵

Manakala penerbitan pula bermakna cara atau hal menerbitkan dan pekerjaan atau jurusan menerbitkan buku, majalah, akhbar dan lain-lain.⁶

Cara bermakna peraturan membuat sesuatu dan gaya serta kaedah seperti bentuk, corak pola, senireka dan lain-lain.⁷